

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peruntukan khas untuk Orang Asli di Sarawak seperti yang diberikan untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, merujuk kepada perkara 1 (2) Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), pemakaian Akta ini hendaklah terhad hanya di Semenanjung Malaysia sahaja. Justeru Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak mempunyai kapabiliti untuk melindungi, menjaga kebajikan atau mendapatkan peruntukan bagi pembangunan masyarakat Orang Asal di Sarawak seperti mana yang diterima oleh masyarakat Orang Asli di Semenanjung.

Sekian, terima kasih.